

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini bangunan baru SJK (T) Ladang Sungai Reyla yang masih belum disiapkan sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Sungai Reyla, Sungai Siput, Perak yang dilaksanakan secara Reka dan Bina ini telah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) pada 28 Mei 2014. Tarikh Milik Tapak adalah pada 28 Jun 2014 dan Tarikh Siap Asal adalah pada 26 Jun 2016. Bagaimanapun, projek ini telah diluluskan Lanjutan Tempoh Masa (EOT) sebanyak 204 hari menjadikan tarikh siap baharu projek adalah pada 18 Januari 2017. Namun begitu, sehingga ke tarikh tersebut projek ini tidak dapat disiapkan sepenuhnya.

Berdasarkan laporan kemajuan, situasi semasa dan status terkini projek, kontraktor gagal dalam memenuhi tanggungjawab dan menyiapkan projek seperti yang telah ditetapkan di dalam dokumen kontrak secara Reka & Bina JKR. Antara punca kelewatan penyiapan projek ini adalah disebabkan kegagalan kontraktor menyiapkan baki kerja seperti kerja bekalan elektrik, kerja-kerja penurapan jalan dan pematuhan syarat-syarat Kebenaran Merancang (KM) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memastikan segala tanggungjawab Kementerian serta tuntutan bayaran kepada kontraktor seperti di dalam Dokumen Kontrak telah dilunaskan.

KPM berpandangan sekiranya pihak kontraktor masih gagal dalam menyempurnakan baki kerja yang ada dan gagal memenuhi syarat-syarat di dalam dokumen kontrak, tindakan penamatan kontrak akan diambil.